



MOHD. RASHID dan Kamariah pada sesi taklimat Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah di Putrajaya semalam

MATLAMAT ujian SEGAK dilakukan supaya murid akan dapat mengukur dan merekodkan; menganalisis dan mentafsir; serta mengetahui tentang tahap kecergasan fizikal sendiri. – Gambar hiasan

# Pelaporan PAJSK, SEGAK dan UPSR keluar serentak

KOSMO

23/11/2017

M/S 7

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pendidikan menetapkan mulai tahun ini sijil Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) akan dikeluarkan serentak bersama dengan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Penetapan itu dibuat bagi membolehkan ibu bapa melihat pencapaian kokurikulum anak-anak mereka sepanjang berada di sekolah rendah dan tahap kemenjadian murid tersebut sebagai seorang insan secara holistik atau menyeluruh.

**Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan, Mohd. Rashid Mean** berkata, sebelum ini, laporan PAJSK dan SEGAK hanya dapat dilihat secara dalam talian oleh guru, ibu bapa dan murid sahaja.

Jelas beliau, terdapat tiga komponen utama akan dinilai menerusi PAJSK iaitu penyertaan dan pencapaian murid dalam pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan; sukan serta permainan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri, negara atau antarabangsa.

“Penglibatan, penyertaan dan prestasi murid melalui tiga kegiatan kokurikulum tersebut akan dinilai dan direkodkan menerusi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Pencapaian dalam kegiatan kokurikulum tersebut amat penting kerana keputusan ini akan diambil kira untuk dimasukkan ke sekolah berasrama penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

“Justeru, keputusan murid dalam PAJSK akan dikeluarkan dalam sistem Purata Nilai Gred

Kumulatif (CGPA) dan hanya dua prestasi terbaik daripada tiga kegiatan kokurikulum utama itu akan diambil kira untuk keputusan akhir,” katanya kepada pemberita pada sesi taklimat Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah di sini semalam.

Mengulas lanjut mengenai PAJSK, Mohd. Rashid berkata, ia diperkenalkan di peringkat sekolah rendah pada tahun 2014, manakala bagi sekolah menengah pada 2012.

Katanya, penguatkuasaan ujian tersebut merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet pada 4 Mei 2005 yang memutuskan merit sebanyak 10 peratus diberikan untuk markah kokurikulum sebagai syarat utama kemasukan ke Universiti Awam (UA).

“Pencapaian murid akan diberikan mengikut gred iaitu A sehingga E, manakala murid yang tidak melaksanakan aktiviti akan direkodkan sebagai tidak melaksanakan aktiviti atau TL dalam keputusannya. A membawa maksud murid seorang yang aktif, komited dan menunjukkan potensi diri yang tinggi dalam aktiviti yang disertai.

“Keputusan B pula membawa maksud murid seorang yang aktif, komited dan menunjukkan minat yang memuaskan dalam aktiviti yang disertai, manakala C menunjukkan penglibatan dan penyertaan murid dalam aktiviti yang disertai adalah memuaskan,” jelas beliau.

Sementara itu, **Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Kamariah Mohd. Yassin** berkata, SEGAK pula adalah ujian standard kecergasan fizikal bagi mengukur kecergasan fizikal murid berdasarkan kesihatan yang mula dilaksanakan pada 2008 terhadap murid Tahun 4 hingga tingkatan 5, berumur antara 10

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah

*Pelaporan Holistik Dan Bermatia*

**PBD**  
Pentaksiran Bilik Darjah

- Dikemali juga sebagai Pentaksiran Sekolah (PS)
- Diasaskan semasa RPP
- Mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)
- Melaporkan tahap pencapaian pembelajaran murid
- Tujuan pentaksiran:
  - Pentaksiran Untuk Pembelajaran
  - Pentaksiran Sebagai Pembelajaran
  - Pentaksiran Tentang Pembelajaran
  - Menggunakan pelbagai jenis instrumen

**PAJSK**  
Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum

- PPU dilaksanakan untuk mengumpul data tret psikologi murid
- Instrumen Kecekapan Pelbagai (IKAP)
- Mengukur kebolehan semua jenis (motor ability) dan kebolehan yang dipelajari (acquired ability)

**UPSR**  
Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

- Untuk murid yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)
- UPSR mengukur pencapaian dalam pembelajaran mata pelajaran
- Murid menduduki 6 kertas:
  - Bahasa Melayu Pemahaman
  - Bahasa Melayu Penulisan
  - Bahasa Inggeris Pemahaman
  - Bahasa Inggeris Penulisan
  - Matematik
  - Sains
- Sains dengan tambahan untuk murid SMC dan SJK(T):
  - Bahasa Cina Pemahaman
  - Bahasa Cina Penulisan
  - Bahasa Tamil Pemahaman
  - Bahasa Tamil Penulisan

**PPSi**  
Pentaksiran Psikometrik

- PPSi khusus untuk murid berkeperluan khas (MBK) yang mengikuti KSSR Pendidikan Khas (LD)
- Mengukur pencapaian MBK melalui pendekatan pentaksiran berpepadu dalam situasi sebenar kehidupan murid
- Pencapaian murid dilaporkan bagi 6 konstruk:
  - Kemahiran Literasi (BM)
  - Kemahiran Literasi (BI)
  - Kemahiran Numerasi
  - Kemahiran Hidup Asas
  - Kemahiran Asas Sains
  - Nilai Murni Kendiri dan Bermasyarakat

**PASR**  
Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah

Nota akhir: pencapaian peringkat tertinggi terdapat dalam rekod nilai 4 poligon.

1. Murid diuji dengan: PBD, PAJSK, PPSi dan UPSR.  
2. Murid berkeperluan khas mengikuti pembelajaran: PSD, PAJSK, PPSi dan PASR.

**PENETAPAN** yang dibuat Pelaporan dan Pentaksiran Sekolah oleh KPM untuk mengeluarkan sijil PAJSK dan SEGAK bersama keputusan UPSR adalah bagi membolehkan ibu bapa melihat pencapaian kokurikulum dan tahap kemenjadian anak-anak mereka sepanjang berada di sekolah rendah.

hingga 17 tahun.

Pelaporan SEGAK itu akan memberi maklum balas kepada murid, guru, pentadbiran sekolah, ibu bapa dan pihak berkepentingan tentang tahap kecergasan fizikal murid agar tindakan susulan dapat dirancang dan dilaksanakan.

“SEGAK dijalankan secara sistematik di semua sekolah iaitu

dua kali setahun masing-masing pada bulan Mac dan Ogos terhadap murid dengan matlamat supaya mereka sentiasa peka, berpengetahuan dan mengamalkan aktiviti kecergasan untuk meningkat dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan yang optimum,” katanya.

Jelas Kamariah, ujian kecer-

gasan fizikal berdasarkan kesihatan yang terdapat dalam SEGAK merangkumi ujian indeks jisim badan (BMI), naik turun bangku tiga minit, ringkuk tubi separa dan jangkauan melunjur untuk kedua-dua murid lelaki dan perempuan. Ujian melunjur tekan tubi pula khusus untuk murid lelaki manakala tekan tubi ubah suai pula hanya bagi murid perempuan.

“Objektif ujian SEGAK dilakukan adalah diharapkan pada akhirnya murid akan dapat mengukur dan merekodkan; menganalisis dan mentafsir; serta mengetahui tentang tahap kecergasan fizikal sendiri.

“Selain itu, melalui SEGAK juga murid akan dapat merancang dan melakukan tindakan susulan bagi meningkatkan tahap kecergasan fizikal serta mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat untuk mencapai tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan yang optimum,” katanya.

Apa yang penting bagi SEGAK, menurut Kamariah, ibu bapa boleh mengetahui tahap kesihatan anak-anak dari peringkat awal untuk memudahkan tindakan susulan diambil.

“Jika murid tidak sihat, mereka akan mengalami kesukaran proses pembelajaran. Justeru, Kementerian telah mengambil langkah awal dengan menetapkan murid tahun 4 perlu menjalani ujian SEGAK untuk menjadikan warganegara sihat,” katanya.

Skor ujian itu diberikan mengikut gred A hingga E, jumlah bintang dari satu hingga lima dan status kecergasan murid bermula tidak cergas hingga kecergasan sangat tinggi.

Tambah Kamariah, SEGAK dan PAJSK boleh digunakan untuk proses penilaian bagi dimasukkan ke MRSM atau SBP mengikut keperluan institusi berkenaan.